

28 NOV 1999

BN-Sokong

BN TERUS DAPAT SOKONGAN MENJELANG PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Pelajar-pelajar Malaysia di luar negara juga tidak ketinggalan menyatakan sokongan padu mereka kepada Barisan Nasional (BN) dibawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka mahu supaya rakyat terus memberi kemenangan yang memberangsangkan kepada BN pada pilihan raya umum esok bagi menjamin masa depan yang lebih cerah kepada rakyat.

Sokongan daripada Barisan Pemuda-Pemudi Malaysia di United Kingdom dan Eire itu disampaikan oleh wakil Kelab Umno, MCA dan MIC di sana Kamarul Rashdan Salleh.

Kamarul dalam kenyataannya hari ini berkata sistem pemerintahan BN yang begitu progresif dan berwibawa telah membolehkan rakyat menikmati satu cara hidup dinamik, aman dan membangun.

"Sia sialah jika segala apa yang kita bina dan kecapi selama 42 tahun ini tidak dikenang dan dihargai," katanya.

Sementara itu, Angkatan Perpaduan Insan Malaysia (Apim) yang berpusat di sini turut menyatakan sokongannya terhadap pemerintahan BN dan Dr Mahathir.

Presidennya Ramli Abdullah dalam kenyataannya berkata semua penyokong Apim telah berjanji untuk mengundi calon-calon BN yang bertanding bagi memastikan negara ini sentiasa diterajui oleh sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

"Kami sedia memberi apa jua bantuan kepada Dr Mahathir dan parti-parti komponen BN dari masa ke masa jika diperlukan," katanya lagi.

-- BERNAMA

NHA LAT